

05 APR 2002

Mahathir-Langkawi

KEBANYAKAN PULANGAN RM2 BILION DINIKMATI PENDUDUK LANGKAWI

LANGKAWI, 5 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kebanyakan daripada pulangan RM2 bilion yang diperolehi melalui kemasukan dua juta pelancong ke pulau ini setahun dinikmati oleh penduduk tempatan.

Beliau berkata kebanyakan daripada pendapatan yang diperolehi hasil perbelanjaan pelancong itu di pulau ini setahun tidak dinikmati oleh kerajaan pusat kerana kebanyakan barangan di pulau ini adalah bebas cukai.

"Kerajaan pusat mendapat tidak sampai RM10 juta pun hasil cukai korporat daripada peniaga di pulau ini setahun," katanya semasa sesi soal jawab pada Majlis Sepetang Bersama Perdana Menteri di sebuah hotel di sini.

Sebaliknya, katanya, kerajaan pusat menyediakan peruntukan pembangunan yang lebih besar kepada bandaraya pelancongan ini berbanding dengan pulangan yang diperolehinya dari pulau ini.

Faedah hasil perbelanjaan pelancong itu dinikmati oleh para peniaga manakala orang ramai juga turut dapat menikmati faedah itu hasil daripada pembangunan yang pesat di pulau ini.

"Apabila pelancong berbelanja, para peniaga yang mendapat untung kerana menjual barangan dan perkhidmatan sedangkan kerajaan hanya dapat sebahagian kecil daripada keuntungan itu melalui cukai korporat," katanya.

Dr Mahathir memberikan contoh projek pembangunan yang sedang dilaksanakan seperti projek perkhidmatan kereta kabel bernilai RM46 juta yang menghubungkan Kompleks Membeli-belah Bersepadu Oriental Village di Teluk Berau dengan Gunung Machinchang.

"Kos projek itu disediakan oleh kerajaan pusat. Kalau nak harapkan kutipan cukai sampai bila pun kita tidak boleh buat. Kalau nak harapkan kerajaan negeri pun tak ada duit," katanya.

Beliau juga berkata hampir keseluruhan pulau itu sudah mempunyai jalan bertar.

Ketika berucap pada majlis itu, Perdana Menteri berkata pegawai dan kakitangan awam tidak perlu berdebat mengenai dasar dan program pembangunan yang diputuskan oleh kerajaan.

"Perkara itu sudah didebatkan di peringkat kabinet. Jadi di peringkat pelaksanaan, mereka (pegawai dan kakitangan awam) cuma perlu melaksanakan dasar dan program itu."

Kakitangan awam dan swasta serta pemimpin masyarakat turut menghadiri majlis bersama Perdana Menteri itu.

-- BERNAMA

JM NH NMO